

Dr M yakin kejayaannya Lawatan pelaburan ke Sweden berhasil

STOCKHOLM, Rabu

MALAYSIA boleh mengharapkan lebih ramai para usahawan Sweden melabur modal hasil kejayaan seminar pelaburan Malaysia di sini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu para wartawan Sweden di sini, Malaysia menganggap Sweden sebagai pelabur yang baik kerana teknologinya yang tinggi.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, mengetuai rombongan penggalakan perdagangan Malaysia selama tiga hari ke sini.

Rombongan beliau tiba di sini dari Zurich Ahad lalu dan berlepas ke Amsterdam hari ini.

Katanya, lebih 80 permohonan dari para usahawan dan ahli perniagaan Sweden untuk mengadakan pertemuan dengan peserta-peserta rombongan Malaysia diterima oleh urusetia penganjur seminar tersebut.

"Tidak kesemua pertemuan itu akan menghasilkan pelaburan di Malaysia. Tetapi setengahnya sudah pasti akan menjadi kenyataan dalam sedikit masa lagi," tambahnya.

Timbalan Perdana Menteri menambah, adalah ekonomik bagi Sweden melabur di bidang pembuatan di Malaysia bagi setengah barangan kerana sumber-sumber bahan mentah banyak terdapat di Malaysia.

Bellau menekankan bahawa Sweden akan memperoleh banyak keuntungan dengan melabur di Malaysia kerana Malaysia mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik.

Pasaran

Di samping itu, katanya, Malaysia juga merupakan sebahagian dari negara Asean yang pesat membangun ekonominya dan juga terletak di Timur Jauh di mana pasaran adalah luas.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, syarikat-syarikat Sweden menunjukkan minat menanam modal dalam bidang pembuatan barang-barang dari getah dan barang-barang dari kayu-kayuan.

Katanya, beberapa orang ahli perniagaan Sweden juga dijangka melawat Malaysia tahun depan untuk melihat sendiri keadaan dan iklim pelaburan di Malaysia.

Sementara itu, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin yang mengetuai satu rombongan pelaburan ke Eropah berkata, Kerajaan Negeri Kedah berminat terhadap pelaburan asing dalam bidang perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian.

Beliau yang mengetuai kira-kira 10 orang pegawai Kerajaan Negeri tiba di sini kelmarin.

Mereka akan menyertai rombongan Datuk Seri Dr. Mahathir di Amsterdam hari ini sebelum berlepas ke Perancis, Rumania dan Britain.

No Siri	2205
No. Penerimaan	381/87

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia